

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**RUJUKAN : 7002**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah aset yang telah diperoleh untuk kegunaan ESSCOM dengan peruntukan sebanyak RM75 juta bagi tahun 2014.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri telah diluluskan sejumlah RM 75 juta di bawah Belanja Mengurus 2014 untuk penugasan ESSCOM. Pecahan peruntukan RM 75 juta adalah seperti berikut :-**

- i. Peruntukan di bawah perkhidmatan dan bekalan – RM 66.5juta**

**Peruntukan ini diluluskan untuk bayaran tuntutan perjalanan, pengangkutan barang, bayaran utiliti, bekalan rangsum, bahan api /alat ganti kenderaan, penyelenggaraan kenderaan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.**

- ii. Peruntukan di bawah aset – RM 8.5 juta**

**Sejumlah RM 8 juta diluluskan untuk pembelian peralatan keselamatan, persenjataan dan komunikasi seperti vest/helmet kalis peluru, *night vision google*, senjata api, peluru, walkie talkie dan lain-lain. Manakala, RM 500 ribu diluluskan untuk pembelian enjin bot untuk *Police Assault Craft (PAC)* dan kenderaan 4WD.**

**Semua kelengkapan dan peralatan di dalam proses perolehan dan akan diperolehi sebelum penghujung tahun 2014.**